

29.11.2019

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP).

PASUKAN POLIS BANTUAN PASTIKAN PEPASANGAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SELAMAT DAN TERJAMIN

- **Tiada kes jenayah atau insiden besar di “empangan awam” Pulau Pinang.**
- **Tiada isu keselamatan serius di Terusan Sungai Dua, loji rawatan air, stesen pam utama, kompleks operasi sehenti dan unit khidmat pelanggan.**

PULAU PINANG, Jumaat, 29.11.2019: Pasukan Polis Bantuan PBAHB telah berjaya mengekalkan keselamatan di semua kemudahan bekalan air di Pulau Pinang dalam tempoh 5 tahun ini.

Keselamatan awam di empangan

Oleh kerana empangan-empangan di Pulau Pinang dibuka kepada orang ramai dari pukul 7.00 pagi hingga 7.00 malam setiap hari, pondok keselamatan Polis Bantuan telah didirikan di Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang. Pondok berkenaan diawasi secara 24/7; dan pegawai-pegawai membuat rondaan di kawasan empangan setiap 2 jam.

Hasil daripada tugas baik yang dilaksanakan oleh mereka, TIADA kes-kes atau insiden jenayah besar di kawasan empangan Pulau Pinang.

Harap maklum bahawa Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang adalah kawasan rekreasi hijau yang popular yang dikunjungi oleh beribu-ribu pejalan kaki, pengembara, pelari, penunggang basikal, pengamal taichi dan yoga, jurugambar dan pelancong setiap bulan.

Operasi keselamatan di semua pemasangan bekalan air

Pasukan Polis Bantuan PBAHB bertanggungjawab menjaga keselamatan di pemasangan bekalan air berikut di Pulau Pinang setiap hari:

- Terusan Sungai Dua sepanjang 14km;
- 3 empangan;
- 9 loji rawatan air;
- 9 rumah pam utama;
- 58 kolam air;
- 3 kompleks operasi sehenti; dan
- 9 unit khidmat pelanggan.

Dalam tempoh 5 tahun yang lalu, petunjuk prestasi utama mereka (KPI) adalah memastikan “tiada isu keselamatan yang serius” di semua pemasangan yang mungkin dapat menjejaskan operasi bekalan air yang berterusan di Negeri Pulau Pinang.

Ketika melindungi pemasangan PBAPP, pencapaian berikut berjaya dicapai oleh pasukan Polis Bantuan PBAHB:

- Mencegah kecurian besi sekerap dari Loji Rawatan Air Sungai Dua;
- Membantu Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menangkap 3 suspek yang memasuki kawasan Empangan Mengkuang; dan
- Mematahkan percubaan untuk mencuri pokok gaharu dari kawasan Empangan Air Itam.

138 anggota diketuai oleh seorang ASP

Hari ini, Majlis Perbarisan dan Pemakaian Pangkat Polis Bantuan PBAHB 2019 diadakan di Loji Rawatan Air Sungai Dua.

Commisioner Polis Dato’ T. Narenasagaran, Ketua Polis Pulau Pinang hadir sebagai tetamu kehormat majlis ini.

Majlis ini secara rasmi menyaksikan:

- Pemakaian pangkat Pegawai Kanan Polis Bantuan berpangkat “Assistant Superintendent Polis” (ASP).
- Kenaikan pangkat tiga Konstabel Polis Bantuan kepada Koperal; dan
- Pelantikan 44 anggota polis bantuan yang telah berjaya menamatkan latihan asas di Pusat Latihan Polis (PULAPOL);

Upacara ini juga menandakan ulang tahun ke-6 Pasukan Polis Bantuan PBAHB.

Pasukan polis bantuan kami ditubuhkan pada 28.11.2013 dengan hanya 11 anggota.

Hari ini, Polis Bantuan PBAHB terdiri daripada pasukan 138 anggota, diketuai oleh seorang ASP. Pasukan ini mengendalikan 24 pondok keselamatan, dan dilengkapi dengan 6 kereta peronda dan 12 motosikal, termasuk trak pacuan 4 roda dan 3 motosikal *off road* yang akan ditauliahkan hari ini.

PBAPP ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Ibu Pejabat PDRM Bukit Aman dan Ibu Pejabat Kontinjen Pulau Pinang yang memberikan segala bantuan dan sokongan yang diperlukan sejak sebelum penubuhan pasukan sehinggalah kita mempunyai sebuah pasukan Polis Bantuan yang diyakini dan berwibawa.

Dengan lebih ramai anggota dan kenderaan, Polis Bantuan PBAHB akan terus memberi keutamaan keselamatan pemasangan bekalan air di Pulau Pinang dan keselamatan awam di empangan-empangan Pulau Pinang.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Email : syarifah@pba.com.my